




NEWSLETTER

MELAKA NEGERI BERSEJARAH

Negeri Melaka yang juga dikenali sebagai Melaka Negeri Bersejarah terletak di wilayah Selatan Semenanjung Malaysia. Negeri Melaka amat dikenali dengan keunikan sejarahnya bermula dengan sejarah pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka selama 110 tahun. Sejarah kesultanan Melaka bermula dengan kedatangan Parameswara, seorang raja Srivijaya dari Palembang yang memerintah pada tahun 1400 hingga 1424. Empayar Melaka mencapai kemuncak kuasanya semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah, sultan terakhir Kesultanan Melaka yang akhirnya telah ditewaskan oleh pihak Portugis pada tahun 1511.

Pada 24 Ogos 1511, pihak Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque telah menguasai negeri Melaka dan telah dijajah oleh Portugis selama 130 tahun. Pada tahun 1641, pihak Belanda pula menguasai Melaka dengan menewaskan pihak Portugis melalui bantuan Sultan Johor. Pihak Belanda kemudiannya telah menyerahkan Melaka kepada pihak British melalui Perikatan British-Belanda pada tahun 1824 dan telah diperintah selama 100 tahun sebelum ditawan oleh penjajah Jepun pada tahun 1942.

Melaka telah diisytiharkan sebagai sebuah bandar bersejarah pada 15 April 1989 dan kemudiannya disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008.



DEMOGRAFI

Negeri Melaka yang bersempadankan Negeri Sembilan di utara, Negeri Johor di selatan dan Selat Melaka di barat merupakan negeri keempat terkecil di Malaysia dengan keluasan 1,650 km persegi.


Negeri Melaka terbahagi kepada 3 daerah pentadbiran iaitu Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah serta 81 mukim. Negeri Melaka mempunyai 4 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), dan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ).



PENDUDUK DAN ISI RUMAH

EVOLUSI PENDUDUK NEGERI MELAKA


Bilangan penduduk negeri Melaka pada tahun 2020 adalah dianggarkan sebanyak 932,700 orang dengan purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.6 peratus berbanding 419,400 orang pada tahun 1970. Tahun 2001 merekodkan kadar pertumbuhan tahunan penduduk tertinggi dalam tempoh 50 tahun iaitu sebanyak 3.0 peratus dan kadar tersebut terus menurun dan mencapai kadar pertumbuhan terendah dalam tempoh yang sama iaitu sebanyak 0.5 peratus pada tahun 2020. Faktor penurunan kadar pertumbuhan adalah disebabkan oleh penurunan kadar kelahiran dan migrasi bersih.



Kadar pertumbuhan tahunan penduduk Bukan Warganegara mencatatkan penurunan yang signifikan kepada 2.2 peratus bagi tempoh 2010-2020 berbanding 20.4 peratus bagi tempoh 1991-2000. Purata pertumbuhan tahunan Isi Rumah turut menunjukkan penurunan daripada 4.2 peratus bagi tempoh 2000-2010 kepada 2.8 peratus bagi tempoh 2010-2020.

JUMLAH PENDUDUK MELAKA


WARGANEGARA



BUKAN WARGANEGARA




BILANGAN ISI RUMAH MELAKA




PENDUDUK DAN ISI RUMAH

Kadar pertumbuhan penduduk warganegara etnik Bumiputera, Cina dan India menunjukkan trend menurun sejak tahun 2016 kepada 1.0 peratus pada tahun 2020 berbanding 1.8 peratus pada 2016. Manakala kadar pertumbuhan bagi etnik Lain-Lain pula menunjukkan peningkatan daripada 4.6 peratus pada tahun 2016 kepada 6.0 peratus pada 2020.



Negeri Melaka sedang menuju ke arah negeri tua di mana peratus penduduk berumur 60 tahun ke atas meningkat daripada 7.9 peratus pada tahun 2000 kepada 12.6 peratus pada tahun 2020. Manakala pecahan penduduk berumur 0-14 tahun menunjukkan penurunan kepada 22.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 33.8 peratus pada tahun 2000. Umur penengah bagi penduduk Melaka turut meningkat kepada 29.5 tahun pada 2020 berbanding 26.4 tahun pada tahun 2010.



DEMOGRAFI PENDUDUK MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, 2019

ALOR GAJAH

PENDUDUK: **212.0 ribu**
 0-14 TAHUN: **24.6%**
 15-64 TAHUN: **66.1%**
 65+ TAHUN: **9.3%**

JASIN


PENDUDUK: **156.6 ribu**
 0-14 TAHUN: **22.0%**
 15-64 TAHUN: **68.0%**
 65+ TAHUN: **10.0%**

MELAKA TENGAH

PENDUDUK: **579.0 ribu**
 0-14 TAHUN: **22.1%**
 15-64 TAHUN: **68.9%**
 65+ TAHUN: **9.0%**

PENDUDUK DAN ISI RUMAH

Kadar kelahiran kasar penduduk negeri Melaka menunjukkan penurunan kepada 15.6 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2018 berbanding 16.0 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Manakala kadar kematian kasar penduduk pula menunjukkan peningkatan daripada 5.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2016 kepada 5.9 kematian bagi setiap 1,000 pada tahun 2018.



JANGKA HAYAT, 2019



LELAKI

71.8 TAHUN



WANITA

77.9 TAHUN



PENDUDUK DAN ISI RUMAH

PERBANDARAN

Negeri Melaka telah diisytiharkan sebagai Negeri Maju pada 20 Oktober 2010. Kemajuan negeri Melaka dapat dilihat kepada evolusi urbanisasi di mana berlaku peningkatan yang mendadak kepada kadar perbandaran iaitu kepada 95 peratus pada tahun 2020 berbandi 23 peratus pada tahun 1980.



1980
23%

2010
87%

2020
95%

Kepadatan penduduk Melaka turut meningkat selaras dengan pembangunan negeri Melaka. Pada tahun 2010 kadar kepadatan penduduk adalah 475 orang bagi setiap km² berbanding 245 orang bagi setiap km² pada tahun 1970.

1970

245 km²

1980

269 km²

1991

307 km²


2000

364 km²

2010



475 km²

Bilangan migrasi masuk ke negeri Melaka menunjukkan penurunan daripada 14,100 orang pada tahun 2014 kepada 8,500 orang pada tahun 2018. Manakala migrasi keluar dari negeri Melaka turut menunjukkan penurunan daripada 8,100 orang pada tahun 2014 kepada 5,500 orang pada tahun 2018.



PERUMAHAN

Bilangan tempat kediaman di Melaka mencatatkan peningkatan yang signifikan di mana unjuran bilangan tempat kediaman bagi tahun 2020 adalah sebanyak 285,100 buah rumah berbanding 68,886 buah rumah pada tahun 1970. Bilangan stok unit kediaman sedia ada bagi tahun 2018 turut mencatatkan peningkatan sebanyak 3.9 peratus kepada 192,491 unit berbanding 185,260 unit pada tahun 2017.



PERATUSAN ISI RUMAH MENGIKUT JENIS RUMAH, 2019

DIMILIKI

83.5%

DISEWA

15.2%

KUARTERS

1.3%

GUNA TENAGA

Tenaga buruh di Melaka terus menunjukkan peningkatan dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 2.8 peratus antara tahun 2010 hingga 2019. Pada tahun 2019 sejumlah 432.9 ribu orang tenaga buruh telah direkodkan dengan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) sebanyak 67.6 peratus berbanding 421.2 ribu orang (KPTB: 66.6%) pada tahun 2018.



TENAGA BURUH
432,900 orang
(KPTB: 67.6%)



LELAKI
253,500 orang
(KPTB: 78.3%)



WANITA
179,400 orang
(KPTB: 56.6%)



BANDAR
414,000 orang
(KPTB: 67.9%)




LUAR BANDAR
18,900 orang
(KPTB: 62.0%)

Bilangan penduduk bekerja negeri Melaka turut meningkat kepada 428.3 ribu orang pada tahun 2019 berbanding 416.7 ribu orang pada tahun 2018. Pekerja perkhidmatan dan jualan catat peratusan tertinggi pada tahun 2019 iaitu sebanyak 25.1 peratus.

BILANGAN PENDUDUK BEKERJA MENGIKUT SEKTOR, 2019



PERKHIDMATAN
302,200 orang
(64.1%)



PEMBUATAN
104,400 orang
(24.4%)



PEMBINAAN
29,400 orang
(6.9%)




PERTANIAN
15,700 orang
(3.7%)



PERLOMBONGAN & PENGKUIARAN
3,600 orang
(KPTB: 0.9%)

KADAR PENGANGGURAN

Kadar pengangguran negeri Melaka merupakan kadar pengangguran yang terendah di Malaysia sejak 20 tahun yang lalu hasil daripada usaha kerajaan negeri dalam menyediakan peluang pekerjaan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Negeri Melaka juga berjaya mengekalkan kadar pengangguran di bawah paras 1.2 peratus sejak daripada tahun 2010.



PENDAPATAN ISI RUMAH

T20

PURATA:
RM17,413
PENENGAH:
RM14,393

M40

PURATA:
RM7,324
PENENGAH:
RM7,001

B40


PURATA:
RM3,327
PENENGAH:
RM3,318

MELAKA

PEKALI GINI:
0.383
KEMISKINAN MUTLAK:
3.9%
KEMISKINAN TEGAR:
0.3%

Pada tahun 2019, purata pendapatan bulanan isi rumah Melaka mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 4.1 peratus kepada RM7,741 berbanding RM6,849 pada tahun 2016. Purata pendapatan bulanan bagi strata bandar pada tahun 2019 adalah sebanyak RM7,805 dan luar bandar adalah sebanyak RM6,470.

Manakala pendapatan penengah Melaka pula adalah sebanyak RM6,054 pada tahun 2019 meningkat 2.7 peratus setahun berbanding RM5,588 pada tahun 2016. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) negeri Melaka telah telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Nilai purata PGK di Melaka ialah RM2,375 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,279 sebulan.



PERBELANJAAN ISI RUMAH

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Melaka telah meningkat sebanyak 4.2 peratus kepada RM4,995 pada 2019 berbanding RM4,374 pada 2016. Daerah Melaka Tengah merekodkan perbelanjaan tertinggi Perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut daerah pentadbiran di Melaka merekodkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM5,120 diikuti oleh Jasin (RM4,779) dan Alor Gajah (RM4,625).

KOMPOSISI PERBELANJAAN MENGIKUT KUMPULAN UTAMA, 2019



PENDIDIKAN

KADAR LITERASI (15-24 TAHUN), 2018



LELAKI
99.4%



MELAKA
99.4%



PEREMPUAN
99.3%



BILANGAN SEKOLAH, 2018

PRA-SEKOLAH
647

SEKOLAH RENDAH
237

SEKOLAH MENENGAH
82

BILANGAN GURU, 2018

PRA-SEKOLAH
1,885

SEKOLAH RENDAH
7,587

SEKOLAH MENENGAH
6,436





BILANGAN PELAJAR, 2018

PRA-SEKOLAH
5,383

SEKOLAH RENDAH
82,114

SEKOLAH MENENGAH
69,435

NISBAH LELAKI DAN PEREMPUAN DI SEKOLAH



KESIHATAN

BILANGAN HOSPITAL & KLINIK, 2019



HOSPITAL KERAJAAN : 4

BILANGAN KATIL : 1,420

HOSPITAL SWASTA : 5

BILANGAN KATIL : 960

KLINIK KERAJAAN : 110

KLINIK SWASTA : 296

KLINIK GIGI KERAJAAN : 3

KLINIK GIGI SWASTA : 56

BILANGAN DOKTOR DAN JURURAWAT, 2018

JURURAWAT KERAJAAN

2,825

JURURAWAT SWASTA

1,669



DOKTOR KERAJAAN

1,655

DOKTOR SWASTA

667

SEBAB-SEBAB KEMATIAN


Ischaemic heart diseases kekal sebagai sebab kematian utama bagi tempoh 2017 dan 2018, dengan peratus kematian sebanyak 19.3 peratus daripada 3,775 kematian bagi tahun 2018 dan 19.7 peratus bagi tahun 2017.

3 SEBAB UTAMA KEMATIAN




**ISCHAEMIC
HEART DISEASE**

19.3%



PNEUMONIA

9.4%



**CEREBROVASCULAR
DISEASES**

7.4%

